

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HKN 501 - Karya-Karya Terpilih Dalam Kesusasteraan Nusantara

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI
DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] lagi daripada Bahagian B. SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Novella *Ibu Adalah Pentafsir dan Sungai* karya Shahnnon Ahmad dikatakan sebagai sebuah karya berkonsep biografi-autobiografi yang mirip kepada unsur-unsur konfensi-introspeksi. Berdasarkan pernyataan tersebut bincangkan secara kritis berserta contoh-contoh yang relevan bagaimana Shahnnon menyampaikan mesejnya secara simbolik.
2. Teliti kutipan berikut: [Danarto: 1984)

“Pada tahun 1973, ketika saya mengulangi membaca cerpen-cerpen saya serta mengingat pengalaman-pengalaman itu, terasa bahawa saat itu ‘saya [Danarto] tidaklah ada, yang ada hanyalah Tuahn’ Danarto hanyalah barang ciptaan yang diberi alat-alat untuk berjalan, berbicara, berfikir, mendengar atau merasakan. Dan itu semua sebenarnya tidak ada dan hanya Pencipta saja yang ada.”

Merujuk kepada kutipan di atas, dan dengan memperincikan pengalaman-pengalaman itu, jelaskan secara kritis konsep kepengarangan Danarto yang menyatakan bahawa “sastera adalah kembali kepada suber.” Berdasarkan kepada cerpen-cerpen karangan beliau yang terkumpul dalam *Godlob* (1975), *Adam dan Makrifat* (1982) dan *Berhala* (1987) beriakan satu penilaian yang analitikal setakat manakah cerpen-cerpen tersebut menepati konsep berkenaan.

3. Mengikuti Mikhail Bakhtin, “pengarang berdialog dengan zaman dan sejarahnya.” Pernyataan ini boleh dirujuk kepada pengarang-pengarang Melayu khususnya Ahmad Rashid Talu dengan novelnya *Iakah Salmah?* dan Arena Wati dengan novelnya *Citra*. Berdasarkan pandangan Bakhtin itu, analisiskan budaya merantau dalam *Iakah Salmah* ataupun *Citra* dan jelaskan bagaimana ia dapat mengkaji falsafah pengarang.

Bahagian B:

4. Huraikan dan bandingkan konsep “Idea of the Book” (Koster) dan “Idea of the Canon” (Braginsky) dalam tradisi pengkaryaan sastera Melayu tradisional. Perhatikan bagaimana ide-ide tersebut menjadi sastera Melayu tradisional itu bersifat “mengingat” dan “mematut”. Berdasarkan sebuah karya Melayu Zaman Klasik, analisiskan temanya untuk memperlihatkan keterikatan karya kepada ide-idea tersebut.
5. Kecenderungan moral, bukannya sejarah, telah menjadikan *Hikayat Raja Pasai* sebagai karya “adab” yang mencernakan konsep historiosofi Islam yang jelas. Bincangkan dengan merujuk kepada tema *Hikayat Raja Pasai*. Perhatikan juga bagaimana menyediakan satu visi masa silam yang “edifying, dignified, reconciliatory” dan “consolatory” (Koster).

6. "Parody 'quotes' from and alludes to its original, abridging and inverting its characteristic devices...It is a mirror, a critique of a view of life already articulated in art" (Fowler).

Berdasarkan petikan di atas, perhatikan mengapa *Tuhfat al-Nafis* dapat dikatakan sebagai satu parodi kepada *Sejarah Melayu*. Dengan menrujuk kepada tujuan penulisan falsafah politik dan persekitaran sosio-sejarah pengarang *Tuhfat al-Nafis*, bincangkan mengapa *Sejarah Melayu* diparodikan.

--oo000oo--